

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 24 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 15**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1532-L11855  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia untuk mengatasi kesan kemasukan perniagaan China di Malaysia.
2. PN-1532-L11517  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Skim MySalam mengikut negeri dan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk melanjutkan perkhidmatan ini memandangkan ia akan berakhir pada tahun 2025 serta adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan skim ini kepada golongan M40.
3. PN-1532-L11741  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif di Sarawak dan jumlah projek yang telah dimulakan dan sedang dijalankan ketika ini bagi menyelesaikan isu sekolah daif di Sarawak.
4. PN-1532-L11997  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan jangka panjang yang dirangkakan bagi memastikan peserta Program Wanita Bangkit memperoleh kejayaan dalam perniagaan yang diceburi sekarang.

5. PN-1532-L12250  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik terkini insiden kemiskinan tegar mengikut daerah di negeri Sembilan serta bagaimanakah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) berupaya menjadi langkah realistik dan relevan bagi tempoh 5 hingga 10 tahun mendatang kepada rakyat di kawasan luar bandar untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.
  
6. PN-1532-L11909  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sarikei; dan
  - (b) punca utama yang menyebabkan kelewatan penyediaan pembinaan itu.
  
7. PN-1532-L11487  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan inisiatif yang diambil untuk memastikan komoditi Malaysia memenuhi piawaian pensijilan antarabangsa seperti Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).
  
8. PN-1532-L11941  
**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan melengkapkan pembangunan Tanaman Semula Komersial (TSK) Kelapa Sawit kepada keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli di seluruh negara.
  
9. PN-1532-L12246  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status perkembangan pelaksanaan inisiatif RM 50 juta untuk memajukan padi huma di wilayah Malaysia Timur.
  
10. PN-1532-L11983  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dalam mewajibkan pengajian sekolah menengah di negara ini. Bilakah ianya akan dilaksanakan oleh Kementerian supaya keciciran dapat dibendung.

11. PN-1532-L11693

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah individu yang telah menikmati pelepasan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun yang lepas; dan
- (b) pertimbangan Kementerian dalam peningkatan insentif pelepasan cukai bagi insurans yang diambil oleh rakyat ekoran peningkatan kos perubatan dan juga penyakit tak berjangkit (NCD).

12. PN-1532-L11530

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan dalam meningkatkan ketersediaan dan kekerapan pengangkutan awam terutamanya di bandar raya Kuala Lumpur memandangkan pelarasan subsidi bahan api berkemungkinan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

13. PN-1532-L12234

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan penggredan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi memastikan perbandingan pencapaian murid setiap tahun dapat diukur secara saksama.

14. PN-1532-L12314

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan membantu golongan yang terkesan akibat kenaikan harga barang, serta apakah jenis dan jumlah sumbangan yang diberikan bagi menangani fenomena ini.

15. PN-1532-L12337

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan penyasaran subsidi ke atas petrol, serta bilakah dan apakah impak yang perlu dihadapi dengan penyasaran subsidi ini.

16. PN-1532-L12104

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan tindakan menyeluruh untuk membantu golongan rakyat yang tidak menerima bantuan Kerajaan seperti M40 dan T20 yang turut terkesan dengan kenaikan harga barang secara tiba-tiba susulan tindakan peniaga atau peruncit berbuat demikian ekoran kenaikan harga diesel.

17. PN-1532-L11525  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status pembinaan projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Machang yang akan menjadi sumber bekalan air utama kepada Loji Rawatan Air (LRA).
18. PN-1532-L11512  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia dalam bidang sains teknologi dan inovasi, serta bagaimanakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengatasi cabaran tersebut.
19. PN-1532-L11758  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan daripada pihak Kementerian terhadap laporan Malaysia Economic Monitor 2024 yang dikeluarkan Bank Dunia menyatakan bahawa hampir 42 peratus pelajar lepasan darjah 5 tidak mahir membaca dengan baik.
20. PN-1532-L12030  
**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan jumlah jururawat dan jururawat masyarakat mengikut gred yang telah meletak jawatan atau bersara pilihan dalam 10 tahun kebelakangan ini. Selain daripada meningkatkan bilangan pelatih jururawat di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), apakah strategi untuk memastikan negara merapatkan jurang bilangan jururawat dengan nisbah purata Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).
21. PN-1532-L12267  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan peranan yang dimainkan secara bersama oleh Kementerian dalam menerapkan semangat patriotisme, nilai perpaduan negara serta kefahaman hakiki terhadap konsep Malaysia MADANI dalam jiwa individu yang bakal diberikan hak kerakyatan menurut pindaan Perlembagaan Persekutuan.
22. PN-1532-L12174  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kerajaan dalam memperkenalkan Biasiswa B40 bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

23. PN-1532-L11796

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia dapat berfungsi sebagai 'ejen pendamai konflik global' yang berkredibiliti yang berupaya mengekalkan prinsip kemanusiaan antikezaliman tanpa menjejaskan hubungan dagang dan diplomatik dengan negara-negara barat yang berkeupayaan tinggi dalam penguasaan ekonomi dan teknologi ketenteraan.

24. PN-1532-L12154

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tahap penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta prestasi dalam mata pelajaran Sains Tulen dan Matematik dalam kalangan para pelajar di bawah Program Dwibahasa (DLP) di sekolah harian dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara.

25. PN-1532-L11479

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada penggunaan Sistem Pengurusan Trafik Pintar (ITS) yang menggunakan teknologi seperti sensor, kamera, dan komunikasi tanpa wayar untuk memantau dan mengurus aliran trafik secara *real-time* digunakan di jalan raya seluruh negara dengan sistem lampu isyarat pintar yang boleh menyesuaikan tempoh lampu hijau dan merah berdasarkan aliran trafik.

26. PN-1532-L12282

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani impak berganda kenaikan harga barang susulan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam oleh YAB Perdana Menteri.

27. PN-1532-L12146

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) statistik kemasukan pelawat dari negara China dan India apabila dilaksanakan pelan liberalisasi visa (PLV) iaitu pengecualian visa 30 hari kepada pelancong China dan India serta berapakah jumlah pelawat yang gagal mematuhi tempoh pengecualian ini; dan
- (b) apakah kesan sebenar terhadap pelaksanaan ini kepada negara.

28. PN-1532-L11750  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan Kerajaan sejak ia ditubuhkan pada tahun 2018.
29. PN-1532-L11734  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha penguatkuasaan terhadap kandungan filem yang melanggar peruntukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) khususnya membabitkan adegan yang berkait dengan kegiatan LGBTQ.
30. PN-1532-L11916  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status pelaksanaan projek bekalan air untuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggunakan peruntukan RM3 juta daripada YAB Perdana Menteri.
31. PN-1532-L11621  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah langkah penstrukturan Malaysia Airlines Berhad (MAB) sebelum ini terdapat kemajuan kerana MAB merupakan syarikat penerbangan kebanggaan dan cerminan imej kemajuan negara sejak beroperasi pada tahun 1972.
32. PN-1532-L11978  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jangkaan tenaga elektrik yang diperlukan oleh semua pusat data di Semenanjung Malaysia. Apakah strategi dan pelan tindakan bagi menambah penjanaan dan pembekalan tenaga elektrik untuk menampung keperluan industri ini.
33. PN-1532-L11965  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan krisis kekurangan jururawat di negara menjelang tahun 2030 dan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan bilangan jururawat di dalam negara.

34. PN-1532-L11438

**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah pendidikan khas di seluruh negara yang menerima peruntukan menaik taraf infrastruktur pada tahun 2023, serta senarai sekolah-sekolah pendidikan khas yang menerima peruntukan.

35. PN-1532-L11545

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca ketiadaan statistik rasmi kematian akibat pengambilan dadah dos berlebihan dalam Buku Maklumat Dadah yang diterbitkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

36. PN-1532-L11597

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan dalam menangani ancaman siber terutama kepada agensi Kerajaan yang menyebabkan kecurian data yang serius.

37. PN-1532-L11772

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan maut dalam kalangan penunggang motosikal yang merupakan kategori kemalangan maut yang tertinggi jika dibandingkan dengan kenderaan lain.

38. PN-1532-L11835

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan kesan rasionalisasi subsidi diesel kepada pekebun kecil dan peneroka FELDA serta langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menanganinya.

39. PN-1532-L11950

**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk memperkenalkan Program Malim Gunung yang dipelopori oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia kepada masyarakat Orang Asli di negara ini memandangkan geografi tempat tinggal serta pengetahuan mereka berkaitan hutan mungkin boleh menarik minat mereka untuk menyertai program ini.

40. PN-1532-L12194

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud (TGG) Kuala Terengganu supaya menjadi lapangan terbang antarabangsa khususnya untuk ke Mekah.

41. PN-1532-L11467

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan Malaysia Agreement (MA63), Sarawak dan Sabah tidak meminta hak-hak luar daripada MA63 walaupun ada ramai pihak yang masih tidak faham dan masih keliru. Oleh yang demikian, apakah tindakan pihak Kerajaan di seluruh negara terutamanya di Semenanjung Malaysia.

42. PN-1532-L12090

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) cadangan untuk memastikan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah mendapat akses kepada pendidikan pra-sekolah yang berkualiti memandangkan kajian mendapati bahawa hampir 30% kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah tidak belajar di pra-sekolah, iaitu dua kali ganda lebih tinggi berbanding di peringkat nasional (13%); dan
- (b) langkah pembaharuan yang akan diambil oleh pihak Kementerian berhubung perkara ini.

43. PN-1532-L11555

**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan anggaran peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk pembayaran elaun Jawatankuasa Kemajuan Desa Madani (JKDM) di Sabah serta berapa elaun untuk Pengerusi dan Setiausaha JKDM.

44. PN-1532-L12160

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan pesakit jantung di seluruh negara dan jumlah tanggungan kos ubatan, rawatan dan perkhidmatan pakar bagi tahun 2023 dan 2024.

45. PN-1532-L12166  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dalam membantu petani-petani yang terkesan akibat bencana alam dan juga faktor penyakit.
46. PN-1532-L11542  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah kadar pengangguran graduan lepasan ijazah terkini dan apakah inisiatif yang sedang di laksanakan untuk menambah kemahiran dan kebolehpasaran para graduan.
47. PN-1532-L11629  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam mengatasi isu strategik dan ekonomi negara di polemik sehingga mencetuskan kebimbangan awam di media massa dan seharusnya komunikasi lebih proaktif dalam memberi penerangan.
48. PN-1532-L11701  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan rasional disebalik layanan berbeza terhadap pemilik kenderaan *e-hailing* berbanding kenderaan pengangkutan awam dalam pemberian subsidi diesel dan tidakkah perkara ini akan mengakibatkan kenaikan harga tambang *e-hailing* yang seterusnya akan memberikan impak negatif kepada kos sara hidup rakyat.
49. PN-1532-L12003  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah Doktor Pakar yang berkhidmat secara sepenuh masa dan separuh masa di Hospital Sarikei, Sarawak; dan
  - (b) adakah Doktor Pakar akan ditambah pada tahun 2024.
50. PN-1532-L11897  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah komprehensif dan strategik dalam menangani permasalahan kadar air tidak berhasil (NRW) yang menyebabkan negara kerugian RM 2 bilion dalam setahun.

51. PN-1532-L11788

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) berupaya merealisasikan tempoh pengeluaran pengesahan akreditasi halal kepada sesebuah syarikat pengeluar produk makanan daripada 23 hari kepada 15 hari seperti yang dihasratkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

52. PN-1532-L11827

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan merancang untuk mengkaji penggunaan sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada masa akan datang.

53. PN-1532-L12182

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Program Sarapan Percuma (PSP) bagi semua pelajar di sekolah.

54. PN-1532-L12010

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah terkini tangkapan yang dibawa ke muka pengadilan bagi mereka yang terlibat dengan penyeludupan barangan terlarang dan terkawal khususnya di sempadan Sabah dan Sarawak.

55. PN-1532-L11877

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini proses penggubalan Rang Undang-undang Pesara dan Bekas Polis yang dilaksanakan oleh Kementerian serta dijangka dibentangkan pada tahun ini demi menjamin kebajikan para anggota keselamatan dan apakah manfaat yang bakal dinikmati mereka kelak.

56. PN-1532-L11904

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan peratusan pengangguran di negara ini dengan purata sebanyak 3.3% terutamanya dalam kalangan belia dan golongan yang kurang berkemampuan.

57. PN-1532-L11959

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan perincian pesakit warga asing dalam kategori pelancong kesihatan serta usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan dan menarik lebih ramai pelancong kesihatan ke Malaysia.

58. PN-1532-L11847

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) garis masa pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 bersasar dan sama ada ia akan mengikut mekanisme subsidi diesel; dan

(b) adakah harga petrol akan diapungkan sepenuhnya.

59. PN-1532-L12226

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha Kerajaan dalam memperkasakan pengeluaran getah tempatan agar tidak terlalu bergantung kepada syarikat pengimport getah sintetik.

60. PN-1532-L12186

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk melaksanakan suatu polisi baharu berkaitan kawasan bebas kenderaan di kawasan utama Bandaraya Kuala Lumpur seperti mana yang dilakukan di kawasan Bandar Hilir, Melaka.

61. PN-1532-L12315

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah pihak Kerajaan dalam memastikan semua majlis rasmi negara dilangsungkan dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, selaras dengan Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan dalam hal penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

62. PN-1532-L12124

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian pecahan rakyat Malaysia miskin tegar mengikut kaum dan negeri serta menjelaskan apakah definisi dan kriteria yang diguna pakai oleh kerajaan dalam istilah "miskin tegar". Apakah langkah-langkah telah dikenal pasti untuk mencapai sifar miskin tegar di Malaysia.

63. PN-1532-L11778

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan kejayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga tidak berlesen. Namun begitu, adakalanya peniaga-peniaga tersebut akan kembali beroperasi di tempat yang sama kerana itu adalah sumber pendapatan mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh DBKL terhadap masalah ini.

64. PN-1532-L12015

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu pemegang-pemegang Dokumen IMM13 di negeri Sabah berdasarkan kepada syor dan cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja 2012.

65. PN-1532-L12214

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) status terkini pembayaran wang royalti petroleum kepada negeri Terengganu; dan
- (b) mengapakah Kementerian membuat pembayaran secara terpilih kepada kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan negeri sedangkan sepatutnya wang royalti dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan negeri terlebih dahulu selaras dengan slogan tatakelola yang dilaungkan.

66. PN-1532-L11446

**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana kejayaan Pelan Tindakan OKU 2016 hingga 2022 dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilakukan.

67. PN-1532-L12296

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mewajibkan pengambilan kursus-kursus di universiti dapat memupuk penghayatan asas-asas kenegaraan dan memastikan pencapaian tahap "kemenjadian" dalam kalangan mahasiswa.

68. PN-1532-L11574

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi terbaharu dalam meningkatkan keselamatan makanan dan kemandirian pertanian termasuk inisiatif penyelidikan dan pembangunan serta sokongan kepada petani kecil untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka.

69. PN-1532-L11564

**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perincian mengenai pelan tindakan Kerajaan untuk mencapai sasaran liputan internet berkelajuan tinggi 100% di kawasan luar bandar menjelang 2025 dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan matlamat ini.

70. PN-1532-L12258

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi yang sedang ditumpukan ke arah memperkasakan sektor logistik tempatan sebagai pemangkin penting dalam meningkatkan sumbangan industri halal tempatan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan bagaimanakah strategi tersebut berupaya meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat pengangkutan tempatan sebagai pengendali aktiviti eksport produk halal negara.

71. PN-1532-L11645

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah cukai pelancongan yang telah dikutip setakat ini dan bagaimanakah kutipan ini digunakan di dalam bidang pelancongan negara kita.

72. PN-1532-L11808

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca tertunggak baki pembayaran royalti petroleum dengan anggaran RM 700 juta yang belum dilunaskan daripada keseluruhan jumlah sebanyak RM 1.52 bilion oleh Kerajaan Persekutuan bagi 2023.

73. PN-1532-L11582

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendirian Kerajaan atas kajian syarikat perkhidmatan sumber manusia global iaitu *remote* yang mendedahkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan kedua terburuk di dunia berkaitan keseimbangan kehidupan kerja daripada 60 buah negara yang dinilai.

74. PN-1532-L11668  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan pembangunan luar bandar menepati kehendak petunjuk prestasi utama Kementerian demi kesejahteraan masyarakat desa.
75. PN-1532-L11474  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan jangka panjang pihak Kerajaan bagi memastikan harga baja kelapa sawit tidak naik sehingga membebankan pengusaha ladang kelapa sawit terutamanya pekebun-pekebun kecil.
76. PN-1532-L12303  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan oleh pihak Kementerian dalam menangani kenaikan kos penghasilan bahan makanan supaya harga makanan terkawal dan tidak membebankan rakyat.
77. PN-1532-L12292  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status pelaksanaan program Malaysia My Second Home (MM2H) khususnya bagi negeri Sabah.
78. PN-1532-L12134  
**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status Latihan Kepakaran Lалан Selari untuk Sarjana Perubatan Kardiorasik. Apakah perancangan Kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepakaran bidang kardiorasik dengan kerjasama pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara selain Universiti Teknologi MARA (UiTM).
79. PN-1532-L11680  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan ekoran kejayaan penyasaran subsidi diesel, sejauh mana pelaksanaan penyasaran subsidi petrol akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan apakah sasaran penjimatan subsidi setelah penyasaran subsidi petrol dilaksanakan kelak.

80. PN-1532-L11783

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan bercadang akan menganjurkan konvensyen Orang Asli Kebangsaan seperti yang pernah dianjurkan pada tahun 2019 buat julung kalinya yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri; dan
- (b) kerelevanan untuk menjadikan resolusi daripada konvensyen tersebut sebagai asas bagi pelan pembangunan Orang Asli.

81. PN-1532-L11843

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan tempoh percubaan penggunaan kod QR di Aplikasi MyRentas di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Ismail dan aplikasi myTrip di CIQ Kompleks Sultan Abu Bakar bagi pemeriksaan imigresen.

82. PN-1532-L12275

**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelaksanaan kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) secara mengejut kepada pengilang-pengilang makanan dan minuman (F&B).

83. PN-1532-L11929

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan pihak Kerajaan untuk membendung masalah perjudian dalam talian dan keberhasilan tindakan tersebut.

84. PN-1532-L12037

**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pengambilan guru di seluruh negara, serta adakah ianya memenuhi keperluan sedia ada. Sekiranya terdapat kekurangan guru, berapakah peratusan tersebut dan dalam bidang apa.

85. PN-1532-L11505

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyokong dan memperkasakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang Sains teknologi dan inovasi di Malaysia.

86. PN-1532-L11914

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengintegrasikan pelbagai universiti dalam negara di bawah satu platform atau ekosistem yang dapat mempromosikan keunggulan pendidikan tinggi negara secara holistik, komprehensif dan menyeluruh di arena global di samping meningkatkan kolaborasi strategik di antara universiti-universiti di Malaysia seperti yang diamalkan oleh United Kingdom dan Amerika Syarikat.

87. PN-1532-L11816

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah akaun media sosial pengguna yang dikesan, digantung dan ditutup di negara ini yang membawa mesej keganasan, hasutan, ugutan, tohmahan dan kebencian pada tahun 2020 hingga 2023 serta enam bulan pertama pada tahun 2024.

88. PN-1532-L11714

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penyaluran peruntukan untuk kawasan Parlimen Saratok dan apakah peruntukan tersebut disalurkan melalui Ahli Parlimen pembangkang atau saluran yang lain memandangkan masyarakat Saratok dilihat tidak merasai peruntukan daripada pihak Kerajaan.

89. PN-1532-L12040

**Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah pemohon dan yang ditawarkan untuk program matrikulasi 2024 mengikut etnik dan jurusan sains atau jurusan seni. Berapakah pelajar India yang menerima tawaran ini bagi tahun 2024.

90. PN-1532-L12064

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan terkini yang diambil untuk menangani masalah pencemaran sungai dan laut akibat pembuangan sisa industri dan apakah butiran mengenai program pemulihan ekosistem yang sedang dijalankan untuk memperbaiki kualiti air.

91. PN-1532-L11716

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab penyasaran subsidi dikecualikan di Sabah dan Sarawak dan mengapakah hujah yang sama tidak digunakan kepada negeri-negeri di Semenanjung.

92. PN-1532-L11660

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik pendaftaran kenderaan yang tidak aktif serta langkah-langkah penyelesaian untuk pendaftaran kenderaan yang tidak aktif dan tidak mendatangkan hasil kepada negara sejak ianya didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

93. PN-1532-L11453

**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian terkini pihak Kerajaan dalam pengambilan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak 1% atau 1% itu dimasukkan di dalam akta.

94. PN-1532-L11869

**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah jemaah yang telah menunaikan ibadat haji pada musim tahun 2024 mengikut pecahan kategori golongan isi rumah B40, M40 dan T20 dan berapa jumlah keseluruhan subsidi haji yang ditanggung oleh Kerajaan pada tahun ini.

95. PN-1532-L11459

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah segera supaya ratusan pusingan-U di Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak bukan menjadi tempat pembuangan sampah oleh pengguna lebuhraya kerana tiada tong sampah disediakan.

96. PN-1532-L11589

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memastikan keselamatan Balai Polis di seluruh Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang terdedah dengan ancaman adalah terjamin seperti kes di Balai Polis Ulu Tiram tidak lagi berlaku.

97. PN-1532-L11991

**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan dalam membantu menstabilkan harga jualan getah agar harga getah tidak jatuh menjunam sehingga membebankan penoreh getah.

98. PN-1532-L11609  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan cadangan penambahan bagi bilangan Kolej Komuniti di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak untuk melahirkan sumber tenaga modal insan berkemahiran tinggi, berpengetahuan, dan bersahsiah. Contohnya di Belaga dan Baram untuk mengurangkan pengangguran lepasan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tercicir.
99. PN-1532-L11497  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan program-program yang sedia ada untuk memupuk dan mengekalkan bakat lokal dalam bidang sains teknologi dan inovasi di Malaysia.
100. PN-1532-L11955  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah strategik Kementerian untuk memerangi penjenayah kewangan yang sentiasa mencari kaedah baharu termasuk teknologi kewangan dan bantuan kecerdasan buatan generatif bagi mengaburi pihak berkuasa.
101. PN-1532-L12206  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) langkah segera untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan; dan
  - (b) jumlah metrik tan beras tempatan yang dihasilkan bagi tempoh 2022 sehingga sekarang.
102. PN-1532-L11889  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah drastik penguatkuasaan rentas Kementerian dalam mengekang kemasukan kontena sindiket pengimportan sisa-sisa haram ke dalam negara.
103. PN-1532-L11726  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan yang holistik bagi mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pendidikan negara termasuklah mempertimbangkan pindaan terhadap Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996.

104. PN-1532-L11650

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan atau menurunkan cukai bagi kategori kenderaan diesel selaras dengan ketiadaan subsidi bahan api diesel.

105. PN-1532-L12116

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan menyeluruh Kementerian dalam rangka persediaan atlet ke Sukan Olimpik 2024 yang akan berlangsung pada bulan Julai dan Ogos 2024 di Paris.

106. PN-1532-L12327

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status cadangan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di negeri Kelantan dan bilakah cadangan pembinaan takungan air ini mula diangkat oleh pihak operator air di negeri Kelantan untuk dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

107. PN-1532-L11686

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana isu lambakan pekerja asing yang telah diselesaikan oleh Kementerian sepanjang pemerintahan Kerajaan MADANI dan bagaimanakah Kementerian melihat ianya telah memberi impak kepada pasaran buruh negara.

108. PN-1532-L11636

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan kebimbangan semasa mengenai kesan perubahan iklim, bagaimanakah pihak Kerajaan mengusahakan untuk membangunkan dasar-dasar inovatif dalam teknologi hijau dan sumber tenaga lestari. Adakah terdapat rancangan khusus yang sedang dijalankan untuk menangani cabaran ini.

109. PN-1532-L12242

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat berhubung jenayah cinta siber atau lebih dikenali sebagai *love scam* yang sudah menjerat hampir 7,200 individu dengan kerugian melebihi RM382 juta sepanjang tahun 2018 hingga Jun 2023.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |  |                                       |
|----|--|---------------------------------------|
| 1. | (D.R. 16/2024) Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>  | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 2. | (D.R. 38/2024) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>                                 | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 3. | (D.R. 39/2024) Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b> | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 4. | (D.R. 33/2024) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 5. | (D.R. 34/2024) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 6. | (D.R. 35/2024) Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>  | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 7. | (D.R. 36/2024) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 8. | (D.R. 37/2024) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |

- |     |                |  |                                       |
|-----|----------------|--|---------------------------------------|
| 9.  | (D.R. 15/2024) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>  | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 10. | (D.R. 14/2024) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024<br><br><b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 11. | (D.R. 31/2024) | Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Kesihatan ]</b>  | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 12. | (D.R. 40/2024) | Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024<br><br><b>[ Menteri Pengangkutan ]</b> | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 13. | (D.R. 41/2024) | Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024<br><br><b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>  | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 14. | (D.R. 21/2024) | Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Digital ]</b>   | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |
| 15. | (D.R. 7/2024)  | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024<br><br><b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup ]</b>                         | <b>Bacaan<br/>Kali Yang<br/>Kedua</b> |

16. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

17. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
DN. 3/2024	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang	24 Julai 2024